

Lampiran Penerangan Produk

Workmen's Compensation Insurance

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manganat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

Pelanggan sekalian,

Lampiran Penerangan Produk (Lampiran) ini direka untuk memberi anda maklumat utama mengenai polisi Workmen's Compensation Insurance ini.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran ini dan mendapati ia membantu; **Anda juga harus membacanya.**

1. Apakah Workmen's Compensation Insurance?

Polisi ini menyediakan perlindungan untuk kecederaan diri akibat kemalangan dan/atau penyakit kepada pekerja anda, yang terjadi daripada dan semasa menjalankan tugas pekerjaan dalam tempoh polisi di mana anda bertanggungjawab.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Anda akan menerima **perlindungan** berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
<ul style="list-style-type: none"> Pampasan yang anda wajib membayar di bawah Undang-undang Pampasan Pekerja Malaysia, untuk kecederaan akibat kemalangan atau penyakit kepada pekerja anda yang terjadi semasa menjalankan tugas pekerjaan; dan Liabiliti anda di bawah Common Law untuk kecederaan akibat kemalangan atau penyakit kepada pekerja anda yang terjadi semasa menjalankan tugas pekerjaan 	<ul style="list-style-type: none"> Liabiliti kepada pekerja kontraktor Mana-mana pekerja yang bukan "pekerja" dalam pengertian Undang-undang Pampasan Pekerja Malaysia Sebarang amaun yang boleh dikembalikan daripada mana-mana pihak jika bukan kerana perjanjian antara anda dan pihak itu Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan, perang saudara, pemberontakan, revolusi, tentera atau kuasa yang dirampas Sinaran pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti Sebarang kejadian yang disebabkan oleh bahan senjata nuklear Kematian, kecederaan, caj penyakit atau perbelanjaan pekerja Anda yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan HIV (Human Immunodeficiency Virus) dan/atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS dan/atau mana-mana derivatif mutan atau variasi
<p>Senarai perlindungan dan pengecualian dalam jadual ini bukan menyeluruh. Sila baca polisi anda untuk senarai penuh terma dan syarat.</p>	
<p>Tempoh perlindungan ialah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.</p>	

3. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans ini, jumlah premium yang tepat akan ditentukan berdasarkan pelbagai faktor, termasuk Tempoh Polisi anda, anggaran gaji tahunan, lokasi risiko serta sejarah kerugian dalam tempoh 5 tahun yang lalu.

Sila hubungi kami/perantara perkhidmatan anda untuk mendapatkan sebut harga.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Duti setem (jika berkenaan)	RM 10.00
Komisen (jika berkenaan)	Maksimum sehingga 25% daripada premium
Caj lain yang dikenakan	Cukai perkhidmatan 8%

4. Terma Utama Lain

- Kewajipan pendedahan anda
Sebelum kontrak polisi ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan kepada kami apa-apa perkara yang:
(a) Anda tahu relevan dengan keputusan kami sama ada untuk menerima risiko atau tidak serta kadar dan terma yang akan digunakan; atau
(b) seseorang yang munasabah dalam keadaan itu dijangka akan mengetahui perkara yang relevan.
- Polisi ini tertakluk kepada waranti premium 60 hari, iaitu premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Penanggung Insurans dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi. Jika gagal, polisi dibatalkan secara automatik dan enam puluh (60) hari premium prorata akan dibayar kepada Penanggung Insurans.
- Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan, anda hendaklah memberikan notis bertulis kepada kami mengenai tuntutan tersebut secepat mungkin selepas anda mengetahuinya.
- Tiada pengakuan, tawaran, janji atau pembayaran boleh dibuat oleh atau bagi pihak anda tanpa kebenaran daripada kami

Nota: Senarai ini **bukan menyeluruh**. Sila baca polisi anda untuk terma dan syarat penuh.

5. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda berhak menerima bayaran balik prorata premium untuk Tempoh Polisi yang belum tamat, tertakluk kepada terma dan syarat polisi.

Jika terdapat apa-apa percanggahan di antara versi Bahasa Melayu dengan versi Bahasa Inggeris Lampiran Penerangan Produk ini, maka versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.

Jika Anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk insurans Anda, Anda boleh:

Hubungi Kami di: 603-2058 3000

Lawati Kami di: <https://www.chubb.com/my-en/contact-us/product-enquiry.html>

E-mel Kami di: Inquiries.MY@chubb.com